



Sinar Harian 12/3/2022 (page 3)

Hanya 51.2 peratus daripada keseluruhan 3,200 responden yang ditemu ramah kekal memilih parti sama sewaktu PRU14

Peluang seimbang parti dominan


Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

Peluang keseluruhan parti-parti dominan seperti Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor untuk menang dijangka 50-50 sekiranya peratusan keluar mengundi pada Sabtu berada di bawah 70 peratus.

Hal ini disebabkan tinjauan Landskap Persepsi Pengundi Johor Menjelang PRN

FAKTOR UTAMA YANG MENENTUKAN UNDI DALAM PILIHAN RAYA



Faktor keperibadian calon dijangka memainkan peranan utama dalam menentukan sokongan pengundi Johor sempena PRN Johor.

Johor 2022 yang dibuat Institut Darul Ehsan (IDE) menunjukkan hanya 51.2 peratus daripada keseluruhan 3,200 responden yang ditemu ramah, dijangka terus kekal memilih parti sama sewaktu Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Unit Penyelidikan IDE dalam satu kenyataan turut mengunjurkan sejumlah 26.8 peratus pengundi sudah menyatakan akan mengubah arah dengan memilih parti berbeza, manakala terdapat lima hingga tujuh peratus pengundi yang menyatakan tidak akan keluar mengundi.

“Selain itu, terdapat tiga faktor utama yang menentukan sikap dan trend pengundian pada keseluruhan 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) di Johor iaitu 37.6 peratus pengundi bakal memilih parti berdasarkan kualiti calon.

“34.8 peratus dijangka bakal memilih parti berdasarkan faktor kekuatan parti diwakili. Bagaimanapun, hanya 15.4 peratus sahaja pengundi yang memilih berdasarkan isu setempat.

“Satu lagi perkara menarik daripada dapatan tinjauan IDE adalah faktor keperibadian calon atau sokongan disebabkan parti politik didapati berbeza-beza mengikut trend pengundian di DUN Johor,” jelas Pengurus Kanan Penyelidikan IDE, Khairul Arifin Mohd Munir kepada *Sinar Premium* pada Khamis.

Bermula 18 hingga 22 Februari 2022, IDE mengambil peluang daripada pelaksanaan PRN Johor pada 12 Mac untuk mengadakan tinjauan sikap pengundi melibatkan 3,200 responden daripada ke-



KhAIRUL ARIFIN



seluruhan 56 DUN.

Tinjauan itu juga diendalikan melibatkan 40 orang *enumerator* terlatih serta dilakukan secara bersemuka, melibatkan kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain melalui kaedah persampelan rawak, berperingkat dan berstrata.

Melalui penyediaan soalan kaji selidik berstruktur menggunakan inovasi apps IDE e-Survei dan tablet, tinjauan ini disahkan unit penyelidikan institusi

itu menepati persampelan dengan ralat kesilapan tiga peratus pada 95 peratus tahap keyakinan.

Mengulas lanjut, Khairul Arifin yang mewakili Unit Penyelidikan IDE turut mendedahkan hanya 42 peratus responden menganggap Covid-19 tidak menghalang mereka untuk keluar mengundi pada Sabtu.

Sebaliknya, terdapat 35 peratus responden lagi menyatakan ketidakpastian mereka untuk turun mengundi.

“Secara lebih mendalam, hanya 30.4 peratus responden sahaja menyatakan ahli keluarga mereka yang tinggal di luar kawasan akan balik mengundi.

“Manakala 49.4 peratus menyatakan bahawa ahli keluarga mereka tidak akan balik mengundi,” ujarnya.

Khairul Arifin turut mendedahkan trend keprihatinan terhadap isu semasa dipetakan dalam tinjauan IDE berdasarkan kajian Fokus Perbincangan Dalam Kumpulan, mendapati wujudnya lapan sehingga sembilan isu utama tempatan dan nasional yang menjadi keprihatinan pengundi Johor.

Lebih menarik, beliau menjelaskan isu-isu ini adalah berbeza dari segi keprihatinan masyarakat berdasarkan kepada DUN dan demografi pengundi.

Ujarnya, empat isu tempatan utama yang menjadi keprihatinan pengundi Johor adalah masalah pemilikan rumah, masalah infrastruktur, peningkatan kes jenayah dan masalah sosial.

Bagi isu nasional pula, tinjauan IDE menunjukkan pengundi Johor amat prihatin terhadap isu-isu seperti kesan penularan wabak Covid-19, kenaikan harga barang, ketidakstabilan politik negara serta penyelewengan dan rasuah.

“Secara umumnya, parti-parti politik dan jentera harus bekerja keras untuk memujuk mengundi untuk keluar mengundi melaksanakan hak demokrasi mereka.

“Rakyat Johor ada yang merasakan sikap bosan dengan politik dan ahli politik yang terbuka dengan pelbagai isu,” katanya.





☒ Semua rakyat Johor harus menjalankan tanggungjawab turun mengundi dan memilih calon yang terbaik untuk

masa depan negeri ini. Saya berharap Johor dapat diubah menjadi negeri yang maju sektor ekonomi dan menjadi destinasi pelancongan pilihan bukan sahaja di Asia Tenggara malah seantero dunia.” - **Mohamad Faris Abu Bakar, 27, Eksekutif Khidmat Pelanggan, Johor Bahru, Johor.**



☒ Susulan kes Covid-19 yang masih tinggi, diharapkan semua pengundi mengikut SOP yang ditetapkan dan

jaga keselamatan diri masing-masing agar proses mengundi berjalan lancar. Saya berharap kerajaan negeri yang akan dibentuk kelak dapat mendengar keluhan dan suara rakyat.” - **Amira Aida Suhada Zulkepli, 24, Eksekutif Pemasaran Bank Rakyat, Batu Pahat, Johor.**



☒ Saya harap semua anak jati Johor dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik, percayalah dengan usaha

kita yang sedikit ini akan dapat membentuk kerajaan demokrasi yang lebih baik. Pemerintah baharu selepas ini juga diharapkan dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada anak-anak muda di Johor.” - **Hellin Nurshazwena, 25, Eksekutif Pengurusan Strategik, Kluang, Johor.**



☒ Kepada rakyat Johor yang pertama kali mengundi, saya harap anda laksanakan tanggungjawab sebaik

mungkin. Turun mengundi sahaja tidak memadai, tetapi undilah pemimpin yang selayaknya untuk memimpin rakyat Johor dengan telus dan efisien. Jangan kita disinonimkan ‘Anak Harimau Diajar Makan Daging’.” - **Muhammad Faiz Othman, 25, Penjawat Awam, Pagoh, Johor.**